

Krisis selepas pemilihan Umno 1987

Oleh Magendran Rajagopal

KRISIS Kehakiman 1988 bermula sejurus selepas pemilihan Umno 1987 apabila 11 ahli parti itu memfailkan petisyen membatalkan keputusan pemilihan yang menyaksikan Presiden Umno merangkap Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatannya mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan kelebihan 43 undi.

Sebelas ahli terbabit difahamkan penyokong Tengku Razaleigh, walaupun beliau tidak mengakuinya secara terbuka, mendakwa keputusan pemilihan itu wajar dibatalkan kerana ada antara perwakilan yang mengundi datang dari cawangan yang belum didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk

Harun Hashim, yang mengadili kes berkenaan ketika itu, membuat keputusan berpihak kepada plaintif dan mengisytiharkan Umno sebagai pertubuhan tidak sah dari segi undang-undang kerana mendapati ada cawangannya tidak berdaftar mengikut Akta Pertubuhan.

Susulan itu, Dr Mahathir membentangkan satu Rang Undang-Undang di Parlimen bagi meminda Artikel 121 dan 145 Perlembagaan Persekutuan yang secara tidak langsung mengehadkan kuasa badan kehakiman kepada apa yang diperuntukkan Parlimen saja manakala Peguam Negara diberi kuasa menentukan di mahkamah maria kes tertentu boleh dibicarakan.

Berikutan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Salleh Abas, membuat kenyataan memper-

tahankan kebebasan dan kuasa mutlak badan kehakiman negara daripada campur tangan cabang eksekutif, yakni kerajaan.,

Berikutan itu, beliau dipanggil ke pejabat Dr Mahathir dan badan kehakiman didakwa bersikap berat sebelah dalam kes 'Umno 11' sehingga mengakibatkan Umno diisytiharkan pertubuhan haram.

Menyusuli kejadian itu, Salleh menyelaras satu perjumpaan dengan 20 Hakim Mahkamah Agung di ibu negara, yang memutuskan beliau menulis surat peribadi kepada Yang di-Pertuan Agong dan ketua-ketua negeri, menyuarakan kekecewaan terhadap pelbagai komen dan tuduhan yang dibuat Dr Mahathir terhadap badan kehakiman.

Dua bulan selepas itu, Salleh digantung daripada jawatannya dan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi,

Tan Sri Abdul Hamid Omar, dilantik memangku jawatannya. Salleh kemudian dihadapkan ke tribunal atas kesalahan pencabulan kuasa dan beliau memfailkan saman di Mahkamah Tinggi mencabar kesahihan tribunal itu.

Lima Hakim Mahkamah Agung memberikan Salleh perintah penangguhan semen tara terhadap pelaksanaan keputusan tribunal, tetapi perintah itu diketepikan pada Ogos 1988 dan Salleh dipecat secara rasmi daripada jawatan beliau.

Lima Hakim Mahkamah Agung terbabit, Tan Sri George Seah, Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh, Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, Tan Sri Azmi Kamaruddin dan Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh kemudian digantung kerja. Wan Sulaiman dan Seah kemudian dipecat, tiga lagi dikekalkan.